MAJLIS PERBANDARAN JASIN

LAPORAN TAHUNAN 2016

MP

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

KANDUNGAN

01 Perutusan Yang Dipertua
02 Sejarah Penubuhan MPJ
03 Misi, Visi, Objektif, Moto dan Slogan
04 Piagam Pelanggan
05 Kawasan Pentadbiran MPJ
06 Lagu Rasmi MPJ
07 Bunga Rasmi MPJ
08 Rasional Logo MPJ
09 Carta Organisasi MPJ
10 Ahli Majlis MPJ dan Zon Sesi 2016

13 Jabatan Khidmat Pengurusan & Perkhidmatan
21 Jabatan Kewangan
28 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
35 Jabatan Perancang Bandar & Desa
43 Jabatan Kejuruteraan
52 Jabatan Kawalan Bangunan
58 Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar
69 Jabatan Kawalan Perniagaan
79 Jabatan Teknologi Maklumat
87 Jabatan Penguatkuasaan
92 Jabatan Korporat & Khidmat Masyarakat
100 Unit Undang-Undang
106 Unit Pusat Setempat
111 Unit Audit Dalam
117 Anugerah

SHADAN

PERUTUSAN
YANG DIPERTUA

Assalammualaikum W.B.T
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang
Negeri Bandar Teknologi Hijau
Melaka Maju Fasa II

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-NYA, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) berjaya melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2016 dan dizahirkan melalui penerbitan Laporan Tahunan MPJ Tahun 2016 agar pencapaian, maklumat, aktiviti dan berita dapat dikongsi bersama.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan sidang redaksi dan semua warga MPJ yang menjayakan penerbitan Laporan Tahunan MPJ 2016.

MPJ telah meletakkan visi menjadikan daerah Jasin sebagai sebuah perbandaran dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020. Beberapa program dan inisiatif telah dirancang untuk MPJ bergerak seiring visi seperti yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik MPJ 2014-2018.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh MPJ pada tahun 2016 adalah Anugerah Hari Perancang Bandar Sedunia 2016 : Inisiatif Kejiranan Hijau (Kategori Perbandaran), The International Green Apple Award for Environmental Best Practice, Johan Anugerah MyGDI Kebangsaan dan Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan 2015.

Bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, warga kerja MPJ sentiasa diberi galakan dan dorongan agar membudayakan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan tugasan harian. Kepekaan terhadap pelanggan akan melahirkan pekerja yang berdedikasi dan komited dalam melaksanakan tugas serta menyuntik idea-idea baru bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan yang bermutu dan bertaraf global serta berdaya saing.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga kerja MPJ dan Ahli Majlis yang memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan. Semoga segala usaha dan perancangan dalam membangunkan perbandaran ini bagi mencapai kejayaan dan kemakmuran mendapat sokongan semua dan diredhai Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih

Tn. Shadan Bin Othman
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar Jasin (Jasin Rural District Council) telah diwartakan dibawah seksyen 399, Municipal Ordinan yang berkuatkuasa mulai 23 Ogos 1957.

Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), maka pada 1 Julai 1978, Majlis Daerah Luar Bandar Jasin telah disusun semula dan dinamakan sebagai Majlis Daerah Jasin.

Pada 1 Januari 2007, Majlis Daerah Jasin telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Jasin melalui Warta Kerajaan yang disiarkan pada 28 Disember 2006. Majlis Pengisytiharan rasmi telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Melaka pada 17 Januari 2007 di Stadium Jasin

Daerah Jasin meliputi kawasan seluas 634km persegi. Terdapat 2 bandar utama iaitu Bandar Jasin dan Bandar Merlimau serta mempunyai 10 pekan kecil. Majlis Perbandaran Jasin melaksanakan pembangunan yang terancang berdasarkan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Daerah Jasin 2020.

VISI

Menjadikan Daerah Jasin sebagai sebuah Perbandaran dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020.

MISI

Komited untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik, berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelingan tenaga dan sumber secara optimum.

OBJEKTIF

1. Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis
2. Memperkasakan tadbir urus Majlis
3. Memperkukuhkan dan memantapkan sumber hasil Majlis
4. Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti
5. Memantapkan kolaborasi strategik

MOTTO : 'JASIN DINAMIK'

SLOGAN : MPJ PRIHATIN DIHATIKU

PIAGAM PELANGGAN

PIAGAM	TEMPOH (HARI)
Memberi Ulasan teknikal permohonan Kebenaran Merancang	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Kerja Tanah	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Projek Perumahan/ Komersial	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Jalan Dan Parit	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Lampu Awam	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Lanskap	7
Memberi Ulasan Teknikal Permohonan Tanah Kerajaan / Pengambilan Tanah	14
Mengeluarkan Perakuan Kebenaran Merancang	7
Memproses Keputusan Permohonan Kebenaran Merancang	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Kerja Tanah	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Bangunan/ Kilang/ Bengkel	37
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Jalan dan Peparitan	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Lampu Jalan	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Landskap	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Bangunan Sesebuah	7
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Tambahan Rumah Teres/ Ubangsuai Bangunan Sesebuah	5
Mengedarkan Permohonan Cadanganpemajuan Kepada Jabatan Teknikal	2
Memproses Permohonan Lesen Premis Perniagaan	14
Memproses Permohonan Lesen Perniagaan Sementara	1
Memproses Permohonan Lesen Iklan Sementara/ Kain Rentang	1
Memproses Permohonan Sewaan Dewan Dan Peralatan	5
Memproses Permohonan Pindah Milik Harta	1
Memproses Permohonan Sewaan Premis	30
Memberi Maklum Balas Aduan Awam Kepada Pengadu	14

KAWASAN PENTADBIRAN



Penduduk 141, 000 orang

Keluasan 634 km persegi

LAGU RASMI

Majlis Perbandaran Jasin
Khidmat Bakti Untuk Semua
Alamanda Bunga Rasmi
Lambang Sejahtera, Jasin Di Hati

Urusan Cepat Berkesan
Layanan Mesra Dengan Senyuman
Khidmat Ikhlas Yang Di Beri
Berkat Restu Ilahi

(korus)
Dibawah Yang Dipertua
Jasin Maju Jaya
Kita Berkerjasama
Menuju Arah Wawasan

Kebersihan Bandar Kita
Tanggungjawab Bersama
Kemakmuran Hidup Tercipta

Majlis Perbandaran Jasin
Majlis Kita Semua
Kemakmuran Keindahan
Wawasan Kita Bersama

BUNGA RASMI

NAMA SAINTIFIK

Allamanda Cathartica

NAMA TEMPATAN

Bunga Alamanda Kuning

RASIONAL LOGO

MP	Huruf M dan P bermaksud Majlis Perbandaran
J	Huruf J mewakili Bandar Jasin
	Bunga alamanda merupakan bunga rasmi Bandar Jasin.
	Lima garisan ini melambangkan lima fungsi utama MPJ
	Melambangkan prestasi dan produktiviti kerja warga MPJ
	Melambangkan warna korporat MPJ, simbolik kepada keberanian dan kebijaksanaan dalam melaksanakan tugas.
	Melambangkan MPJ sebagai sebuah organisasi yang mantap dan bertoleransi.
	Melambangkan warga kerja MPJ melaksanakan tugas dengan ikhlas dan komited.

CARTA ORGANISASI 2016

YANG DIPERTUA
Shadan b. Othman

UNIT UNDANG-UNDANG
Suzilawati bt. Md Zin

24 AHLI MAJLIS

UNIT AUDIT DALAM
Suhaizan b. Noh

UNIT PUSAT SETEMPAT
Muhammad Shaifuddin b. Abdullah

SETIAUSAHA
Zainul Adnan b. Mohd Said

Jabatan Kejuruteraan
Hj. Zainuddin b. Samad

Jabatan Perancang Bandar & Desa
Shamsidah bt. Ismail

Jabatan Kawalan Perniagaan
Juairiah bt Suleiman @ Ahmad

Jabatan Teknologi Makumat
Mohd Fadzli b. Muhd Saleh

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Mohd Azzad Izzuddien b. Abu Bakar

Jabatan Kewangan
Rejab b. Md Diah

Jabatan Kawalan Bangunan
Mohammad Hiriddin b. Hisham

Jabatan Lanskap & Perkhidmatan Bandar
Norhisham b. Musa

Jabatan Khidmat Pengurusan & Perkhidmatan
Khairul Hakimi b. Naim

Jabatan Korporat & Khidmat Masyarakat
Nur Adhawiah bt. Mohd Said

Jabatan Penguatkuasaan
Kamoral b. Abu Bakar

AHLI MAJLIS PERBANDARAN JASIN

BARISAN HADAPAN:

Dari Kiri : En. Rahman bin Md. Din, En. Shadan bin Othman (Yang Dipertua MPJ), YB. Datuk Hj. Md. Yunos bin Husin (Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi), YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj, Haron (Ketua Menteri Melaka), YB. Datuk Ar. Hj. Ismail bin Hj. Othman (EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar), YBhg. Datuk Hj. Ismail bin Ahmad (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), En. Choo Chin Chye, YBhg. Dr. Jasmi bin Ahmad, En. Zainul Adnan bin Mohd Said(Setiausaha MPJ).

BARISAN KEDUA:

Dari Kiri : Pn. Hjh. Normah bte AC. Podesingho, En. Ng Chee Fatt, En. Jasmi bin Md. Tegol, Thamilyanan a/l M. Muthiah, En. Mohamad Zaidi bin Mohamad Hashim

BARISAN KETIGA:

Dari Kiri : En. Tee Sein Sein, En. Ee Chiow Peng, Pn. Hjh. Khatijah bte Bahari, En. Abd. Halim bin Ab. Ghani, En. Ibrahim bin Rasol, En. Ab. Rahman bin Ali, Tn. DSP Sampornak bin Ismail, En. Abdullah Hassan bin Hj. Khamis, En. Abdul Ghani bin Abdullah

BARISAN KEEMPAT:

Dari Kiri : En. Sharidhan bin Shaharan, Tn. Ir. Ahmad Paridz bin Abdullah, Pn. Tan Ke Gek, En. Mohd Sharif bin Abd. Majid, En. Razani bin Seman

KAWASAN JAGAAN AHLI MAJLIS

NAMA	JAWATAN	KAWASAN JAGAAN
Encik Shadan bin Othman	Yang Dipertua	Seluruh Daerah
Encik Zamrud bin Yahya	Pegawai Daerah	Seluruh Daerah
Tuan DSP Sampornak bin Ismail	Ketua Polis Daerah	Seluruh Daerah
Encik Ahmad Paridz bin Abdullah	Jurutera Daerah	Seluruh Daerah
YBhg. Dr. Jasmi bin Ahmad	Ketua Whip	Sg. Rambai Barat/ Sg. Rambai Timur/ Sg. Rambai Tengah
Encik Abd. Halim b. Ab. Ghani	Timbalan Ketua Whip	Terentang/ Chabau/ Rim/ Simpang Bekoh
Puan Nurul Widayu bte Abd. Razak		Seri Kesang/ Chohong/ Kelubi/ Simpang Kerayong
Encik Ibrahim bin Rasol		Lipat Kajang/ Ayer Merbau/ Chenderah/ Chinchin/ Chinchin Hulu
Encik Ab. Rahman bin Ali		Kesang Barat/ Ayer Barok/ Ayer Kangkong/ Jasin Hilir
Encik Mohd Sharif bin Abd. Majid		Kesang Tua/ Pondok Kempas Hilir/Pondok Kempas
En. Mohamad Zaidi bin Mohamad Hashim		Bukit Tembakau/ Sempang/ Pulai/ Serkam/ Serkam Darat
Puan Hjh. Khatijah bte Bahari		Tedong/ Paya Tanjung/ Umbai/ Umbai Pantai/ Seri Minyak
Encik Mohd Mohtar bin Ab. Majid		Merlimau Utara/ Merlimau Timur/ Merlimau Tengah
Encik Daud bin Mekesat		Seri Mendapat/ Ayer Tawar/ Sebatu

KAWASAN JAGAAN AHLI MAJLIS

NAMA	JAWATAN	KAWASAN JAGAAN
Tuan Hj. Razani bin Seman		Kg. Bukit Sedanan/ Batu Gajah
Pn Hjh. Normah bte AC Podesingho		Kg. Selandar/ Kg. Gapis/ Kg. Mantai
Encik Abdullah Hassan bin Kassim		Felda Bukit Senggeh/ Kg. Bukit Senggeh/ Kg. Jus/ Kg. Bukit Senggeh
Encik Ismail bin Ahmad		Kg. Pondok Batang/ Abbey/ Kg. Masjid Baru/Gubah/Kg. Nyalas
Encik Ghani bin Abdullah		Kg. Asahan
Encik Tee Seng Sein		Kg. Baru On Lok/ Kg. Maju
Encik Ee Chiow Peng		Kg. Baru Kongsai/ Kg. Ayer Manggis/ Bemban
Encik Ng Chee Fatt		Parit Keliling/ Gunung Emas/ Bukit Katong
Encik Choo Chin Chye		Merlimau Barat/Merlimau
Encik Thamilyanan a/l M. Muthiah		Taman Maju
Puan Tang Ke Gek		Kemendor/ Bemban/ Kg. Baru Kongsai
Tuan Hj. Jasmi bin Md. Tegol		Pulai/ Umbai
Encik Shaharidhan bin Shaharan		Batu Gajah Pasir/ Batu Gajah

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN & PERKHIDMATAN

JABATAN KHIDMAT
PENGURUSAN & PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Jabatan Khidmat Pengurusan dan Perkhidmatan diketuai oleh Pengarah Khidmat Pengurusan dan Perkhidmatan. Jabatan ini dianggotai seramai 23 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :

1. Bahagian Pentadbiran Am
2. Bahagian Perkhidmatan
3. Bahagian Kualiti

FUNGSI JABATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan dan Perkhidmatan berperanan melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am Majlis seperti pengurusan surat menyurat dan mesyuarat, ahli majlis, perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pengurusan rekod. Jabatan ini juga bertanggungjawab melaksanakan pengurusan sumber manusia melalui perjawatan, pembangunan modal insan, latihan dan integriti. Jabatan ini turut merancang dan menyelaras program-program kualiti dan inovasi di peringkat MPJ melalui proses pendekatan dan pembudayaan berteraskan ciri-ciri inovasi dan kreativiti.

Kursus Inovasi dan Kreatif (KIK) pada 31 Mei 2016 di Hotel Alamanda

WARGA KERJA MENGIKUT PECAHAN KUMPULAN PERKHIDMATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
Kumpulan P & P	15
Kumpulan Sokongan 1	131
Kumpulan Sokongan 2	103
JUMLAH	**249**

WARGA KERJA MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	BILANGAN
Tetap	230
Kontrak	19
JUMLAH	**249**

Majlis Persaraan En. Razak bin Ali pada 20 Julai 2016

KURSUS ANJURAN MPJ

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Motivasi Untuk Warga MPJ	23 Februari 2016	Hotel Alamanda
2	Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerja	08 Mac 2016	Hotel Alamanda
3	Kursus Permurniaan MPK/FM	16 Mac 2016	Hotel Alamanda
4	Kursus Penulisan Surat Rasmi & Kaedah Penulisan Minit Mesyuarat	20 - 21 Apr 2016	Bilik Seminar Kolej Komuniti Selandar
5	Kursus Keselamatan Perlindungan	16 Mei 2016	Hotel Alamanda
6	Kursus Inovasi & Kreatif (KIK)	31 Mei 2016	Hotel Alamanda
7	Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam	14 Jun 2016	Hotel Alamanda
8	Kursus Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	22 Jun 2016	Bilik Gerakan MPJ
9	Bengkel Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK)	09 Ogos 2016	Hotel Alamanda
10	Kursus Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	01 Nov 2016	Bilik Gerakan MPJ
11	Seminar Pengenalan ISO : Awareness ISO 9001:2015	24 Nov 2016	Dewan Lipat Kajang
12	Kursus Keselamatan Kebakaran Di Bangunan Kerajaan	29 Nov 2016	Dewan Alamanda
13	Bengkel Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK)	07 Dis 2016	Hotel Alamanda

MPJ anjur Kursus Keselamatan Perlindungan

Oleh JURAIDAH OTHMAN

JASIN 30 Mei - Keselamatan dokumen di jabatan serta agensi kerajaan khususnya melibatkan rahsia besar perlu diberi keutamaan bagi tujuan mengawal rahsia-rahsia negara dengan berkesan.

Pengurusan serta keselamatan dokumen penting, agar segala rahsia kerajaan tidak terlepas ke tangan pihak tidak bertanggungjawab

katan dari aspek keselamatan terutama keselamatan dokumen, fizikal dan peribadi selain menghasilkan pengurusan keselamatan yang teratur.

"Diharap dengan inisiatif diambil MPJ ini akan memberi kesedaran kepada peserta untuk lebih peka akan kepentingan menjaga keselamatan dokumen serta rahsia besar kerajaan," katanya baru-baru ini

Keratan Akhbar berkaitan Kursus Keselamatan Perlindungan di Hotel Alamanda

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2016

Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada 22 Jun 2016 di Hotel Alamanda

Pelancaran Pelan Strategik MPJ 2014-2018 (Pindaan 2016) pada 7 September 2016 di Dewan Alamanda

Pelancaran Gotong Royong Perdana EKSA Majlis Perbandaran Jasin pada 2 September 2016

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2016

Kursus Inovasi & Kreatif (KIK) pada 09 Ogos 2016 di Hotel Alamanda

Kursus Permurniaan MPK/FM pada 16 Mac 2016 di Hotel Alamanda

Seminar Pengenalan ISO : Awareness ISO 9001:2015 pada 24 November 2016 di Dewan Lipat Kajang

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2016

Program Bacaan Yaasin Mingguan MPJ Pada Setiap Hari Jumaat

Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Oleh JKKP

Perhimpunan Bulanan Bil 11/2016 Anjuran Bersama ANULAE Kawasan Jasin Yang Turut Dihadiri Oleh Y.Bhg Datuk Haji Azih Bin Muda Presiden ANULAE merangkap Presiden CUEPACS

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2016

Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Jasin Anjuran Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Panel Audit SPB-PBT ke Majlis Perbandaran Jasin

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN KEWANGAN

JABATAN KEWANGAN

PENGENALAN

Jabatan Kewangan MPJ diketuai oleh Pengarah Kewangan dan dianggotai oleh 15 orang pegawai- yang ditempatkan di 4 bahagian iaitu :

1. Bahagian Hasil
2. Bahagian Perolehan
3. Bahagian Bayaran
4. Bahagian Akaun

FUNGSI JABATAN

Bertanggungjawab mengurus dan memperkukuhkan pengurusan kewangan dan perakaunan MPJ supaya ianya teratur, sistematik serta mematuhi keperluan perundangan agar operasi dan aktiviti MPJ dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Kakitangan Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Jasin

PRESTASI HASIL TAHUN 2015 DAN 2016

KATEGORI HASIL	TAHUN		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2015 (RM)	2016 (RM)	RM	%
Hasil Cukai	6,416,773	6,576,532	159,759	2
Hasil Bukan Cukai	4,939,328	5,049,357	110,029	2
Terimaan Bukan Hasil	13,343,741	15,890,930	2,548,189	19
JUMLAH	**24,699,842**	**27,516,819**	**2,816,977**	**11**

Tahun 2015

Tahun 2016

Carta Perbandingan Kutipan Hasil Tahun 2015 Dan 2016

PERBELANJAAN

PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2015 DAN 2016

JENIS PERBELANJAAN	TAHUN		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2015 (RM)	2016 (RM)	RM	%
Emolumen	7,881,591	9,003,539	1,121,948	14
Bekalan dan Perkhidmatan	15,029,816	18,449,855	3,420,039	23
Perbelanjaan Lain	1,933,524	1,722,553	210,971	11
JUMLAH	**24,844,931**	**29,175,947**	**4,331,016**	**17**

Tahun 2015



Tahun 2016

Carta Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2015 dan 2016

PENGURUSAN HASIL

SALURAN KUTIPAN HASIL	BIL TRANSAKSI SETAHUN
Kaunter Utama di Ibu Pejabat MPJ	47,374
Kaunter MPJ di RTC, Sungai Rambai	7,549
Kaunter MPJ di UTC, Melaka	1,007
e-BAYAR	189
JomPAY	185
POS Malaysia Berhad	1,586
Bank Simpanan Nasional	325
CIMB Bank Berhad	233
Bank Islam Malaysia Berhad	36
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	30

Kaunter MPJ di RTC, Sungai Rambai

Kaunter Kutipan Luar Bersepadu

PENCAPAIAN JABATAN KEWANGAN

Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti:

BIL	TAHUN KEWANGAN	TAHAP	PENARAFAN	MARKAH
1	2008	BAIK	★★★	80.80
2	2010	BAIK	★★★	88.36
3	2013	BAIK	★★★	88.78

Berjaya memperolehi Sijil Audit Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Akaun Tahunan mulai 2000 hingga tahun 2016.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jasin bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 28.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Jasin dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(JAAFAR BIN MD GAUTH)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

MELAKA
3 OGOS 2017

SIJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2016

Meraikan Hari Ulang Tahun Kelahiran Pegawai-pegawai

Meraikan Hari Perayaan

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) DO-IT
(Gabungan Jabatan Kewangan dan Unit Audit Dalam)

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta diketuai oleh Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta dan dianggotai seramai 16 orang kakitangan yang terbahagi kepada 5 bahagian :-

1. Bahagian Penilaian
2. Bahagian COB
3. Bahagian Sewaan
4. Bahagian Aset
5. Bahagian Hasil

FUNGSI JABATAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab dalam membuat nilaian ke atas pegangan-pegangan di dalam kawasan pentadbiran MPJ untuk dikenakan cukai taksiran/ caruman bantu kadar sebagai hasil utama MPJ.

Jabatan ini juga perlu memastikan harta tak alih MPJ diurus dengan baik untuk digunakan secara optimum dan disewakan kepada orang lain. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta membantu Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam menyelia dan memastikan semua pemajuan strata di dalam kawasan MPJ mengikut peraturan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 dan Bahagian VI dan VII Akta Hak Milik Strata (Akta 318).

PEGANGAN CUKAI TAKSIRAN MENGIKUT MUKIM

MUKIM	BIL PEGANGAN	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN HARTA (RM)
Batang Melaka	1,006	119,498.46
Selandar	1,209	192,872.21
Jus	12	452.65
Bukit Senggeh	249	39,176.73
Nyalas	1,467	203,907.46
Chabau	863	162,695.72
Kesang	1,832	296,457.88
Rim	856	185,576.14
Ayer Panas	1,441	979,918.30
Jasin	5,311	2,302,917.36
Chohong	15	2,846.25
ChinChin	717	95,320.69
Umbai	971	174,204.28
Serkam	1,873	783,072.72
Semujuk	235	9,068.40
Tedong	48	2,532.55
Sempang	812	930,843.95
Merlimau	3,951	1,329,152.66
Sebatu	813	150,794.52
Sungai Rambai	1,107	270,086.80
Jumlah	**24,788**	**8,231,935.73**

CARUMAN BANTU KADAR

JABATAN	JUMLAH HARTA	JUMLAH CARUMAN (RM)
Kerajaan Persekutuan	957	553, 929.53
Kerajaan Negeri	132	62, 260.44
Badan Berkanun	330	89, 986.07
Jumlah	**1, 353**	**706, 176.04**

HARTA SEWAAN

JENIS HARTA SEWAAN	JUMLAH HARTA
Rumah Rehat	2
Rekreasi	2
Terminal Kenderaan Berat	1
Terminal Bas/ Teksi	2
Bangunan Perniagaan/ Kedai	52
Medan Selera	97
Gerai	271
Pasar	152
Kiosk	8
Jumlah	**587**

LAPORAN KEDUDUKAN ASET TAK ALIH

JENIS ASET	BILANGAN
Tanah	21
Bangunan Pejabat	4
Rumah Rehat	2
Rekreasi	2
Terminal Kenderaan Berat	1
Terminal Bas/ Teksi	2
Bangunan Perniagaan/ Kedai	52
Medan Selera	97
Gerai	271
Pasar	152
Kiosk	8
Pusat Pemprosesan Ayam	2
Dewan	5
Mini Stadium	1
JUMLAH	**620**

SIRI JELAJAH KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN

Taman Bukit Tembakau, Umbai pada 31 Januari 2016

Taman Selandar Jaya, Selandar pada 23 Januari 2016

Taman Kesang Damai, Jasin pada 16 Januari 2016

Taman Datuk Abd Aziz, Umbai pada 6 Februari 2016

AKTIVITI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

OPS SEPADU PREMIS MPJ – Gerai Jalan Jasin – Melaka Dan Gerai Taman Kesang Indah pada 28 Januari 2016

Perjumpaan YB ADUN Bemban Bersama MPJ dan Penyewa Medan Selera Maju Junction pada 04 Julai 2016

Lawatan ke Majlis Daerah Kuala Selangor Bagi Tujuan Taklimat Cukai Ladang pada 7 September 2016

Majlis Penyerahan Kunci Gerai Mpj Taman Lipat Kajang Perdana pada 21 Januari 2016

AKTIVITI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Taklimat Mengecat Bangunan Kedai Bandar Jasin pada 23 Disember 2016 di Dewan Alamanda

Jamuan 'Hi-Tea' Sempena Majlis Persaraan Pn. Hjh Sumarni bt. Pardi

Program Keceriaan Medan Selera PBT 2016 pada 16 Disember 2016 di Gerai Jeti Sempang, Merlimau Melaka

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN PERANCANG BANDAR & DESA

JABATAN
PERANCANG BANDAR DAN DESA

PENGENALAN

Jabatan Perancang Bandar dan Desa diketuai oleh Pengarah Perancang Bandar dan Desa dan dianggotai seramai 7 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Kawalan Pembangunan
2. Bahagian Perancangan dan Bank Data
3. Bahagian Teknologi Hijau

FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab merancang dan mengawal pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MPJ selain mengumpul dan mengemaskini maklumat perancangan dari semasa ke semasa melalui sistem GIS. Jabatan ini juga berperanan dalam memastikan pembangunan yang dibuat selaras dengan peruntukan perundangan dan keperluan perancangan semasa disamping mengambilkira aspek-aspek kepentingan dan keseimbangan alam sekitar serta memenuhi citarasa dan keselesaan penduduk. Selain itu, jabatan ini juga berfungsi menyelaras program-program dan perlaksanaan Dasar Teknologi Hijau yang digubal di peringkat negeri untuk dilaksanakan di kawasan pentadbiran MPJ.

LAPORAN PERMOHONAN YANG DIPROSES OLEH JPBD

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DARI JANUARI-DISEMBER 2016

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
Januari	8
Februari	3
Mac	9
April	8
Mei	7
Jun	11
Julai	8
Ogos	6
September	9
Oktober	14
November	20
Disember	11
JUMLAH	**114**



KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DARI JANUARI-DISEMBER 2016

BULAN	JUMLAH KELULUSAN
Januari	3
Februari	2
Mac	2
April	1
Mei	1
Jun	0
Julai	3
Ogos	4
September	2
Oktober	2
November	0
Disember	4
JUMLAH	**24**



PERMOHONAN TANAH KERAJAAN & PENGAMBILAN BALIK TANAH DARI JANUARI-DISEMBER 2016

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
Januari	8
Februari	7
Mac	12
April	6
Mei	11
Jun	7
Julai	4
Ogos	11
September	11
Oktober	6
November	8
Disember	18
JUMLAH	**109**



LAIN-LAIN PERMOHONAN YANG DIPROSES

BIL	SENARAI PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN
1	Pelan Bangunan Projek Perumahan	5
2	Pelan Bangunan Sesebuah	101
3	Nama Taman / Jalan	8
4	Lain-lain Permohonan (Tukar Syarat, Permit Pasir, Melanjutkan Tempoh Pajakan Luput, Permit Lain-lain dll)	60
JUMLAH		**174**



PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN - MURNINET

MurniNet merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk-Penunjuk Bandar Malaysia (Malaysian Urban Indicators Network). Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampanan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan Penunjuk-Penunjuk Bandar.

Bermula 2012, MurniNet telah dinaiktaraf kepada MURNInets (Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development). Di bawah indikator baru MURNInets ini, terdapat set penunjuk di bawah 6 dimensi, 21 tema dan 36 petunjuk wajib yang menggambarkan tahap kemampanan bandar di Malaysia. MPJ mula menyertai program ini pada tahun 2007 dan bermula tahun 2009 sehingga kini MPJ telah berjaya mencapai dan mengekalkan status 'Bandar Mampan' selama 8 tahun berturut-turut.

TAHUN	MARKAH
2007	72.81
2008	75.44
2009	83.33
2010	84.21
2011	81.98
2012	88.00
2013	84.00
2014	87.00
2015	92.00
2016	90.00

POGRAM-PROGRAM SEPANJANG 2016

Cerapan Data Menggunakan GPS

Mewujudkan Kumpulan Kerja GIS MPJ

Latihan dan Tutorial GIS

POGRAM-PROGRAM SEPANJANG 2016

Pameran IGEM 2016 (International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia) di KLCC

POGRAM-PROGRAM SEPANJANG 2016

Urusetia Bagi Jawatankuasa Resilience Walk and Citizens' Pledge sempena Program Resilient Cities Asia-Pasific (RCAP) 2016

Menyertai Program Melaka Green Exhibition 2016 sempena Program Resilient Cities Asia-Pasific (RCAP) 2016

Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Melaka 2035

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN KEJURUTERAAN

JABATAN KEJURUTERAAN

PENGENALAN

Jabatan Kejuruteraan diketuai oleh Pengarah Kejuruteraan dan dianggotai seramai 19 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Pengurusan Pelan
2. Bahagian Pengurusan Projek
3. Bahagian Pengurusan Penyelenggaraan

FUNGSI JABATAN

Melaksanakan pembangunan fizikal yang terancang, menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam yang mencukupi serta memastikan projek prasarana luaran dilaksanakan secara lestari ke arah kehidupan yang selesa dan berkualiti selaras dengan dasar kerajaan.

Sungai Rambai Gerbang Selatan

PENGURUSAN PELAN PEMBANGUNAN

JENIS PELAN	JUMLAH PERMOHONAN
Pelan Jalan dan Parit	16
Pelan Kerja Tanah	8
Pelan Pelampuan	4
JUMLAH KESELURUHAN	**28**

Pemeriksaan bagi Kelulusan Pelan Kerja Tanah

Pemeriksaan bagi Kelulusan Pelan Jalan dan Parit

PROJEK PEMBANGUNAN

SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	4,583,286.90
Jabatan Kerja Raya (MARRIS)	1,963,693.00
Jabatan Ketua Menteri Melaka	99,801.00
Unit Penyelarasan Pelaksanaan , JPM (ICU)	1,031,695.14
JUMLAH KESELURUHAN	**7,678,476.04**

Membina dan baik pulih di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

KATEGORI	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)
A. Projek-projek Infrastruktur		
1. Jalan	12	1,573,085.20
2. Parit / Longkang	15	1,518,444.82
3. Lampu-lampu Jalan / Lampu Isyarat	7	617,015.29
Jumlah Kecil	**34**	**3,708,545.31**
B. Kemudahan Awam		
1. Dewan Orang Ramai	3	962,219.20
2. Tandas Awam	5	254,022.76
3. Gelanggang Futsal	1	19,928.00
4. Pusat Komuniti Bandar	3	377,756.00
5. Prasarana	3	129,633.60
Jumlah Kecil	**15**	**1,743,559.56**
C. Ekonomi		
1. Pasar	1	580,721.00
2. Gerai	3	108,942.40
Jumlah Kecil	**4**	**689,663.40**
D. Sosial		
1. Baikpulih Rumah PPKB	77	1,436,906.77
2. Mercutanda Kawasan Pelancongan	1	99,801.00
Jumlah Kecil	**78**	**1,536,707.77**
JUMLAH KESELURUHAN	**131**	**7,678,476.04**

PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR

Menaiktaraf Longkang di Taman Merlimau Jaya

Menaiktaraf Jalan di Taman Pulai Indah

Pemasangan Lampu Isyarat di Persimpangan Semujuk

PROJEK-PROJEK KEMUDAHAN AWAM

Menaiktaraf Tandas Awam di Medan Selera Taman Harmoni, Merlimau

Menaiktaraf Sebuah Pusat Komuniti di Taman Maju

Membina Baru Pasar Nyalas

Menaiktaraf Dewan Hj Ahmad Ithnin, Merlimau

Membina Gerai di Kg. Sempang, Serkam

Menaiktaraf Prasarana dan Kemudahan Awam di Hadapan SRJK(T) Jasin

PENGURUSAN PENYELENGGARAAN

Pembaikan Longkang di Sekitar Bandar Jasin

Pembaikan Jalan di Taman Seri Sempang

Pembaikan Lampu di Sekitar Bandar Jasin dan Merlimau

PENGURUSAN PENYELENGGARAAN

Pembaikan Bumbung Gerai di Bandar Jasin



Kerja-kerja Mengecat Garisan di Bandar Merlimau



Membaikpulih Pondok Bas di Pekan Sempang Bekoh

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN
KAWALAN BANGUNAN

JABATAN
KAWALAN BANGUNAN

PENGENALAN

Jabatan Kawalan Bangunan diketuai oleh Pengarah Kawalan Bangunan dan dianggotai seramai 9 orang kakitangan yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kawalan Dan Penguatkuasaan Bangunan

FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, akta dan enakmen serta undang-undang yang berkaitan. Jabatan ini juga memberi khidmat nasihat kepada pemaju, PSP, pemunya bangunan dan lain-lain pelanggan berlandaskan kepada etika-etika profesionalisme yang bermanfaat dari segi keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam di dalam kawasan pentadbiran MPJ.

Perumahan Jasin Bestari Fasa 3 (Type Rt2)

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN

LAPORAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN MENGIKUT KATEGORI

TAJUK	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Pelan Bangunan													
Projek	0	1	0	2	1	3	3	1	2	3	2	0	18
Sesebuah	10	7	10	8	10	6	4	7	8	11	13	8	112
Tambahan	16	6	15	10	6	11	10	12	13	19	16	17	151
Jumlah													281
Permit Bangunan Sementara													
Tadika & Homestay	2		1		1		1		1				6
Projek & Chalet	2	2	2	2	1	1	5	2	1	3	1	1	23
Timbang Sawit										1	1		2
Bengkel								1			1		2
Kedai/ Premis/ Gerai	3	3	5	5	3	6	2	3	2	4	2	3	40
Stesen Minyak	1	1											2
Kolam Ternakan					3		1		1				5
Cuci Kenderaan		1							1	2	2	1	7
Kuil									1				2
Stor/ Nurseri			1	1	2	3				1		1	9
Menara					1								1
Papan Tanda Iklan			1	1			2	1					5
Reban Ayam					1								1
Pagar								1					1
Jumlah													106
Permit Letak Bahan Binaan													
Permit Letak Bahan Binaan						1							1
Jumlah													1
Notis													
Berhentikan & Kemukakan Pelan	1	5	17		9	12		6	2	5	18	5	80
Kosongkan Bangunan								1		5	1		7
Roboh Bangunan											1		1
Jumlah													88

AKTIVITI PROJEK BAWAH SELIAAN KAWALAN BANGUNAN

Kerja-kerja Membina Bangunan Tambahan Untuk Bilik Mesyuarat dan Bilik Yang Dipertua Di Majlis Perbandaran Jasin

Tarikh Mula : 8 Jun 2016
Tarikh Siap : 15 November 2016

AKTIVITI KAWALAN BANGUNAN

Operasi penguatkuasaan bangunan tanpa pelan atau kelulusan bersama Jabatan Penguatkuasa sekitar daerah Jasin

Operasi Bersepadu bersama Agensi Luar ke atas kedai makan sekitar daerah Jasin

Operasi Papan Tanda tanpa permit sekitar daerah Jasin

AKTIVITI KAWALAN BANGUNAN

Siasatan Kelulusan untuk permohonan CCC

Siasatan Permohonan Permit Bangunan Sementara

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JABATAN LANDSKAP & PERKHIDMATAN BANDAR

JABATAN LANDSKAP & PERKHIDMATAN BANDAR

PENGENALAN

Jabatan Landskap dan Perkhidmatan Bandar diketuai oleh Pengarah Landskap dan Perkhidmatan Bandar dan dianggotai seramai 85 orang kakitangan yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Landskap
2. Bahagian Perkhidmatan Bandar

FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran kehidupan yang bersih, indah, selesa dan pembangunan landskap yang mampan. Memantau kerja-kerja pembersihan awam seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang & kutipan sampah .

Arca Mercu Tanda Sungai Rambai

PROGRAM RAKAN TAMAN

Rakan Taman merupakan Badan Bukan Berkanun yang ditadbir oleh satu jawatankuasa bagi sesebuah taman awam , Taman Kejiranan atau Kawasan Lapang.

Ia adalah satu organisasi bebas yang menggerakkan usaha-usaha mengimarah, menjaga, memulihara dan melindungi taman awam, taman kejiranan atau kawasan lapang untuk kebajikan semua pihak sama ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menguruskan atau orang awam menggunakan taman. Pelancaran Program Rakan Taman di peringkat Majlis Perbandaran Jasin ini adalah melalui peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

Pelaksanaan gerak kerja Rakan Taman bagi Tahun 2016

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Maju bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar.

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Bandar Jasin Bestari Seksyen 1 bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Teknologi Maklumat.

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Nyalas Baru bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Kejuruteraan

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Panglima Pak bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Kewangan

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Seri Hilir On Lok bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan & Perkhidmatan.

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Serkam Ria bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Kawalan Perniagaan.

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman Tahun 2016 di Taman Asia Selatan, Ayer Merbau bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta.

Perlaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman di Taman Seri Asahan bersama Jabatan Angkat iaitu Unit Audit Dalam.

Gerak Kerja Rakan Taman di Taman Seri Chinchin bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Kawalan Bangunan.

Gerak Kerja Rakan Taman di Taman Kelubi Damai bersama Jabatan Angkat iaitu Jabatan Perancang Bandar & Desa.

